

KM kesal sikap sektor korporat

MELAKA: Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam semalam melahirkan rasa kesal terhadap sikap kebanyakan sektor korporat yang kurang membantu mangsa banjir meskipun mendapat keuntungan daripada projek pembangunan di negeri ini.

Malah, katanya, selepas dikerah beberapa kali, baru golongan terbabit menghulurkan sedikit bantuan dibuat menerusi kempen kutipan sumbangan mangsa banjir.

"Sambutan daripada mereka (sektor korporat) kurang menggalakkan sedangkan mereka menerima projek jutaan ringgit seperti pembinaan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) bernilai RM155 juta dan Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN) di depan Seri Negeri sebanyak RM45 juta.

"Tetapi pada waktu begini (kempen sumbangan) tak nampak muka. Saya terpaksa menggunakan Pengarah Kerja Raya bagi mendapatkan senarai pemaju menerima projek ditender untuk mengerahkan mereka memberi sumbangan.

"Ini kali kedua kerahan sumbangan secara paksa, baru kita dapat mengumpulkan RM569,404 daripada 113 syarikat termasuk kontraktor kelas F," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian sumbangan banjir kepada Tabung Bantuan Bencana Negeri, di Seri Negeri, dekat sini.

Semak senarai dapat bantuan

MUAR: Kerajaan Johor membuat semakan semula senarai keluarga mangsa banjir yang layak menerima bantuan RM500 selepas banjir melanda semula negeri itu sejak kelmarin.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata semakan semula itu perlu berikutan 13,177 mangsa banjir daripada 2,764 keluarga dipindahkan dan 83 pusat pemindahan banjir dibuka semula di beberapa daerah sejak semalam.

Katanya, banjir bermula 18 Disember lalu menyebabkan lebih 32,000 keluarga dipindahkan dan RM16 juta diperlukan untuk digihkan kepada semua mangsa.


"Bagaimanapun, apabila berlaku banjir kali kedua, kita perlu menyemak semula nama keluarga supaya tidak dikira dua kali untuk menerima bantuan ini," katanya selepas merasmikan upacara pecah tanah Kompleks Sukan Komuniti Dewan Undangan Negeri



LALUAN UTAMA: Beberapa buah kenderaan cuba melalui Jalan Tun Habab di Kota Tinggi yang dinaiki air sejak malam kelmarin.



MANGSA BENCANA ALAM: Sebahagian mangsa banjir dipindahkan di pusat pemindahan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Pu Sze di Skudai.



ANGKARA HUJAN LEBAT: Paras air di Empangan Sembrong, Kluang berada pada paras berbahaya berikutan hujan lebat sejak dua hari lalu.





TAK NAMPAK JALAN: Keadaan jalan Kampung Melayu di bandar Kluang yang ditenggelami air selepas hujan berterusan.



DAPAT DITANGKAP: Pengawal keselamatan Jabatan Agama Johor (JAJ), Saliman Mariman (tiga dari kanan) bersama penduduk menunjukkan seekor ular sawa yang ditangkap dekat Sekolah Convent, Jalan Yahya Awal, Johor Bahru, semalam.

ANGKARA HUJAN LEBAT: Paras air di Empangan Sembrong, Kluang berada pada paras berbahaya berikutan hujan lebat sejak dua hari lalu.



SELAMTKAN SEGERA: Sharifah Hassan, 56, dibantu jirannya, Mohd Rosmand Maktar mengangkat tilam serta barang selepas rumahnya di Kampung Berembang Sri Purnama di Johor Bahru mula dinaiki air, semalam.

Katanya, banjir bermula 18 Disember lalu menyebabkan lebih 32,000 keluarga dipindahkan dan RM16 juta diperlukan untuk digihkan kepada semua mangsa.

"Bagaimanapun, apabila berlaku banjir kali kedua, kita perlu menyemak semula nama keluarga supaya tidak dikira dua kali untuk menerima bantuan ini," katanya selepas merasmikan upacara pecah tanah Kompleks Sukan Komuniti Dewan Undangan Negeri (DUN) Serom, di sini, semalam.

46 sekolah kena tutup

JOHOR BAHRU: Sebanyak 46 sekolah di seluruh Johor ditutup semalam selepas banjir kembali melanda negeri itu akibat hujan tidak henti dua hari lalu.

Jurucakap Jabatan Pendidikan Johor ketika dihubungi berkata, daripada 31 sekolah dijadikan pusat pemindahan mangsa banjir, 12 daripadanya ditutup kerana masalah itu, manakala tiga yang lain ditutup disebabkan laluan ke sekolah dinaiki air.

Di daerah Batu Pahat, sekolah yang dijadikan pusat pemindahan mangsa ialah SK Seri Bulan, SK Senggarang, SK Seri Bengkal, SK Rejo Sari, SK Sepakat Jaya dan SK Bukit Kuari.

Di daerah Johor Bahru, sembilan sekolah dijadikan pusat pemindahan mangsa Banjir iaitu SK Bukit Mutiara, SJKC Pu Sze, SK Masai, SK Permas Jaya 1, SK Taman Daya 2, SK Kg Pasir, SK Mohd Khir Johari, SMK Taman Pasir Putih dan SK Skudai Batu 10.